

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 75
RUANGAN : WILAYAH

Barangan kesihatan RM1.3 juta dirampas

➔ Bahan tak berdaftar didakwa mampu rawat diabetes

Oleh Betty Subaryati
bhkb@bh.com.my

► Kota Bharu

Jabatan Kesihatan Kelantan merampas 6,864 botol produk kesihatan yang didakwa mampu menyembuhkan penyakit diabetes bernilai RM 1.3 juta, menerusi serbuan di sebuah kilang di Pengkalan

Chepa, di sini.

Serbuan menerusi 'Ops Ghost' pada 20 November lalu jam 4.40 petang dilakukan sepasukan pegawai dan anggota bahagian Penguatkuasa Farmasi Jabatan Kesihatan negeri, hasil intipan yang dilakukan pihaknya sejak Januari lalu.

Pengarahnya, Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Mahir, berkata produk kesihatan yang dijual RM180 sebotol sejak lima tahun lalu itu tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) selain mendakwa mampu merawat penyakit kencing manis, membaikkan pankreas, menurunkan bacaan gula dan memulihkan tisu buah pinggang.

"Kita mendapati produk itu dijual menerusi laman sosial

Facebook dan mendapat sambutan menggalakkan. Selain Kelantan, kita mendapati produk terbabit turut dipasarkan di Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Salah guna logo MesTI

"Produk berkenaan juga menyalahgunakan logo Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MesTI) semata-mata untuk memberi keyakinan kepada pengguna, sedangkan ianya tidak berdaftar.

"Mereka yang mengamalkan produk itu bukan mampu menyembuhkan penyakit diabetes, sebaliknya mungkin menjadi lebih teruk," katanya pada sidang media, di sini, semalam.

Dr Razin berkata, kes disiasat mengikut Peraturan 7(1)(a) Peraturan-peraturan Kawalan Da-

dah dan Komedik 1984 iaitu kesalahan mengilang produk tidak berdaftar dengan KKM.

"Ini rampasan terbesar bahagian farmasi dan kami memandang serius kegiatan pengilangan, pengedaran dan penjualan produk kesihatan khasnya ubat berdaftar, kosmetik tidak bermotifikasi dan ubat campuran palsu," katanya.

Dalam perkembangan lain, Dr Razin berkata, bagi tempoh dua tahun iaitu pada 2015 dan tahun lalu, sebanyak 154 premis diserbu dengan nilai rampasan sebanyak RM3.2 juta.

"Saya mengingatkan orang ramai supaya tidak terpengaruh dengan sebarang produk dikeluarkan tanpa kelulusan KKM yang berisiko tinggi kepada kesihatan," katanya.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : SETEMPAT

Rosliza Mohamed
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Sepandai pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga. Itu pepatah tepat menggambarkan situasi pengusaha produk kesihatan yang diserbu Cawangan Penguatkuasaan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan, bulan lalu.

Serbuhan di kilang Pengkalan Chepa pada jam 4.40 petang, 20 November lalu dan pihak berkuasa turut merampas 6,864 botol

produk berkenaan dianggarkan bernilai RM1.3 juta.

Difahamkan, produk itu berada di pasaran sejak lima tahun lalu dan turut menggunakan label Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) palsu untuk meyakinkan pelanggan.

Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Dr Ahmad Razin Ahmad Mahir berkata, pihaknya menjalankan risikan menerusi Ops Ghost sejak Januari lalu, selepas menerima aduan mengenai penjualan produk kesihatan meragukan.

Produk itu dipercayai untuk merawat masalah diabetes, gangguan pankreas dan menurunkan paras gula.

"Ia dihasilkan dalam bentuk cecair semburan dalam

botol bersaiz 60 milliliter, ada label Pensijilan Makanan Selamat Tanggungjawab Industri (MeSTI) yang didapati palsu dan hanya untuk menarik perhatian pengguna.

"Produk dijual pada harga RM180 sebotol, menerusi Facebook dan medium sosial lain. Kami juga terima maklumat ia dipasarkan di Pulau Pinang, Kuala Lumpur selain negeri ini dan bandar besar lain," katanya, semalam.

Susulan itu, beliau berkata, kes disiasat mengikut Peraturan 7(1) (a) Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Komedistik 1984 iaitu kesalahan mengilang produk tidak berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Jika sabit kesalahan boleh dihukum mengikut Seksyen 12(1) Akta Jualan Dadah 1952 yang memperuntukkan hukuman denda RM25,000 atau penjara tidak melebihi tempoh tiga tahun atau kedua-duanya.

"Ini juga rampasan terbesar bahagian farmasi. Kami memandang serius kegiatan pengilangan, pengedaran dan penjualan produk kesihatan khususnya ubat berdaftar, komestik tidak bernoifikasi dan ubat campuran palsu.

"Pada 2015, 70 premis diserbu dengan 1,154 pelbagai barangan dirampas bernilai RM1.9 juta, manakala tahun lalu RM1.35 juta rampasan," katanya.

Dr Ahmad Razin (tengah) menyempatkan produk kesihatan palsu. Keseluruhan KKM dirampas dibulan-bulan Ops Ghost di Pengkalan Chepa, Kelantan.



'Ubat' semburan tersungkur

■ 6,864 botol produk bernilai RM1.3 juta tidak berdaftar dirampas